

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Guru akan menyediakan kad situasi.
 3. Panduan aktiviti:

- (a) Permainan ini dimainkan dalam kumpulan kecil.
- (b) Setiap murid dalam kumpulan tersebut mempunyai peranan masing-masing dan akan melaksanakannya secara berulang-ulang sehingga semua kad situasi habis diselesaikan.
- (c) Tugas murid dalam kumpulan :
 - (i) Murid 1 akan menyusun kad.
 - (ii) Murid 2 akan memilih kad situasi dan membacakan soalan.
 - (iii) Murid 3 akan menjawab soalan.
 - (iv) Murid 4 akan memberikan respons dan pujian terhadap jawapan yang diberikan oleh rakan.
- (d) Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah markah tertinggi yang dikumpulkan.

Kad Situasi

Kad 1

Nyatakan **dua** kepentingan amalan kesederhanaan dalam penggunaan elektrik.

Kad 2

Berikan **dua** contoh amalan kesederhanaan dalam penggunaan air semasa di rumah.

Kad 3

Bagaimanakah **dua** cara kamu boleh mengamalkan kesederhanaan dalam penggunaan kertas di sekolah?

Kad 4

Apakah **dua** cara yang boleh diamalkan untuk mengelakkan penggunaan beg plastik ketika membeli-belah?

Kad 5

Nyatakan **dua** sebab berkongsi kenderaan dapat membantu mengurangkan pencemaran udara.

Kad 6

Apakah **dua** contoh pemilihan makanan sihat yang menunjukkan amalan kesederhanaan?

4. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.